

08 AUG 1998

CUEPACS AKAN PENUHI JANJI DERMA RM5 JUTA BAGI DANA KHAS NEGARA

KUALA LUMPUR, 8 Julai (Bernama) -- Ketua jabatan-jabatan kerajaan diminta mempergiatkan lagi langkah memungut RM10 daripada kakitangan awam untuk memenuhi janji Cuepacs menderma RM5 juta untuk Tabung Dana Khas Negara.

Presiden Cuepacs Abdul Aziz Mohd Sultan hari ini berkata, setakat ini pungutan hanya berjumlah RM1.2 juta iaitu kurang RM3.8 juta dari apa yang dijangkakan.

"Kami faham bahawa banyak proses yang harus dilalui untuk memungut derma ini tetapi kami harap ketua jabatan akan cuba dengan lebih giat lagi untuk memenuhi janji Cuepacs," katanya pada wartawan selepas majlis pelancaran album kumpulan RESQ di sini.

Menurut Abdul Aziz jangkakan dana RM5 juta itu adalah berdasarkan kepada jumlah kakitangan awam seluruh negara yang berjumlah 500,000 orang.

Menyentuh tentang potongan gaji kakitangan awam, beliau berkata pihaknya telah menghantar surat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membincangkan perkara itu dan sebarang langkah potongan selanjutnya hanya perlu membabitkan pihak atasan sahaja dan bukannya pekerja bawahan.

Beliau juga berkata Konvensyen Cuepacs dicadangkan selama tiga hari bermula 2 Dis akan datang.

Projek album kumpulan RESQ adalah projek amal hasil usahasama Mega Records dan CUEPACS dalam usaha mengisi Tabung CUEPACS dan juga Tabung Dana Khas Negara.

Majlis pelancaran ini dirasmikan oleh isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

-- BERNAMA

NHZ PR